KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	18.03.22	MUKA SURAT	:	55
JABATAN	:	TNB			

TNB sedia benam THT

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersedia menentang habis-habisan Terengganu Hockey Team (THT) pada aksi terakhir Liga Hoki Malaysia (LHM) pada Selasa ini, bagi menamatkan kemarau kejuaraan selama 19 tahun.

Ketua jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini mengingatkan anak buahnya untuk merangkul gelaran juara liga, mereka tidak mempunyai pilihan selain menewaskan THT di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu, selepas tewas 2-3 pada pusingan pertama di Bukit Jalil.

"Kami perlu menggandakan usaha dan menghadapi halangan besar untuk mengalahkan THT serta perlu berhati-hati di beberapa kawasan seperti sudut penalti. Kami perlu mengawal perlawanan, yakin dan bermain untuk menang.

"Kami mempunyai keseimbangan pemain yang baik dalam pasukan musim ini dan mereka juga bermain dengan baik. Jadi, saya percaya kami boleh melakukan sesuatu pada perlawanan itu nanti," katanya.

Kelmarin, TNB menerima kemenangan percuma 5-0 di Stadium Hoki Nasional berikutan Nurinsafi Sporting tidak dapat menurunkan pasukan selepas lima pemainnya cedera, manakala tujuh lagi disahkan positif COVID-19.

TNB adalah antara kelab paling berjaya dalam sejarah MHL dengan memenangi liga sebanyak lima kali iaitu pada 1990, 1991-92 (bertanding sebagai Kelab Kilat), 2000-2001, 2002 dan 2003, serta memenangi Piala TNB tujuh kali (1987, 1989, 1991-1992, 2003, 2004, 2007 dan 2009-2010), selain menjuarai Piala Tan Sri P Alagendra pada 2019.

BERNAMA